

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO TAMAN RIMBA ILMU TANAH BRIS (TRIBE)

A. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga UniSZA (staf dan pelajar), ahli jawatankuasa TRIBE **TIDAK DIBENARKAN** menyertai pertandingan ini.
- ii. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, **hanya satu (1) LOGO** yang akan dipilih sebagai pemenang.
- iii. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak diceduk/ditiru/diciplak daripada mana-mana logo tempatan mahu pun luar negara.
- iv. Reka bentuk mestilah baharu dan asli serta tiada unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak.
- v. Semua logo yang diterima akan menjadi hak milik UniSZA dan tidak akan dikembalikan. UniSZA berhak terhadap logo yang dipilih sama ada untuk dipinda atau diubah suai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan atau dicetak dalam mana-mana acara rasmi dan bahan promosi lain yang difikirkan wajar tanpa perlu membuat sebarang notis atau bayaran kepada peserta.
- vi. Pengajur **BERHAK** mengubah suai dan meminda reka bentuk logo yang diterima sekiranya perlu.
- vii. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 September 2021. Sebarang penyertaan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan dilayan.
- viii. Panel TRIBE akan memilih logo dan keputusan pertandingan adalah muktamad dan tidak boleh dipertikai oleh mana-mana pihak. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- ix. Sekiranya terdapat persamaan dalam rekabentuk logo yang dihantar, peserta yang terlebih dahulu menghantar borang lengkap dengan ilustrasi yang jelas akan dianggap sebagai pemenang.
- x. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan tetapi hanya dibenarkan memenangi satu hadiah sahaja
- xi. Pihak urusetia TRIBE UniSZA berhak menggunakan semua rekabentuk yang dipertandingkan untuk tujuan pengiklanan dan promosi serta lain-lain tujuan tanpa kebenaran ataupun bayaran kepada peserta

B. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- i. Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21cm x 29.7cm) dalam bentuk cetakan (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*) menggunakan format AI (*Adobe Illustrator*) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 (dpi) atau menggunakan perisian yang bersesuaian.
- ii. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo TRIBE dan simbol serta warna yang digunakan dapat menterjemah fungsi logo.
- iii. Reka bentuk logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi empat (4) warna.
- iv. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

C. TEMPOH PENYERTAAN

Tempoh penyertaan ialah **21 September 2021 hingga 30 September 2021**.

D. DOKUMEN PERMOHONAN PENYERTAAN

- i. Imbas QR Code yang disediakan untuk mengisi borang penyertaan
- ii. Penyertaan (rekaan logo) hendaklah dimuatnaik ke dalam Google Drive dan pautan Google Drive tersebut perlu disertakan bersama dalam borang penyertaan

F. PANEL PENILAI

- i. Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dilantik.
- ii. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh panel penilai.
- iii. Panel penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- iv. Panel penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang terpilih sekiranya perlu.
- v. Logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik **Universiti Sultan Zainal Abidin**